



IBU PEJABAT

Persatuan Pembekal-Pembekal Alatan Perubatan & Makmal Bumiputra Malaysia. (PERUTAMA)

Reg. No. 263

No. 4, Jalan BP 4/7, Bandar Bukit Puchong, 47100 Puchong, Selangor, Darul Ehsan.

Tel: (603) - 8060 0295 / 0296 / 0297 / 9610 (Hunting Line) Fax: (603) - 8060 0318

Email: info@perutama.org.my Web: www.perutama.org.my

No. Rujukan : PERUTAMA/02082021-01

Tarikh : 02 Ogos 2021



Ybhg. Datuk Hj. Rodzi Bin Md. Saad

Ketua Pengarah Keselamatan Negara

Majlis Keselamatan Negara

Aras LG&G, Blok Barat, Bangunan Perdana Putra

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya

YB Datuk Seri Dr. Adham Bin Baba

Menteri Kesihatan Malaysia

Kementerian Kesihatan Malaysia

Komplek E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Pusat, 62590 Putrajaya

YB Tuan Khairy Jamaluddin

Menteri Sains, Teknologi & Inovasi

Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi

Tingkat 1-7, Blok C4 & C5, Komplek C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62662 Putrajaya

Ybhg. Dato' Seri Mohd Hishamudin Bin Md Yunus

Pengerusi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Level 14, Menara SSM@Sentral

7, Jalan Stesen Central 5, 50623 Kuala Lumpur

Ybrs. En. Ahmad Shariff Bin Hambali

Ketua Eksekutif

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan Malaysia, KKM

Aras 6, Prima 9, Prima Avenue II

Block 3547, Persiaran APEC, 63000 Cyberjaya, Selangor

Ybhg. Datuk Seri Azam Bin Baki

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Ibu Pejabat SPRM

No.2, Lebuhraya Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya

Yang Berhormat Datuk Seri/ Dato'/Datuk/YBrS Tuan/Puan,


PER: BANTAHAN KE ATAS KEWUJUDAN PHARMA2U PLATFORM E-DAGANG DALAM APLIKASI MYSEJAHTERA

Merujuk kepada perkara di atas,

2. Mewakili suara ahli Persatuan Pembekal-Pembekal Alatan Perubatan & Makmal Bumiputera Malaysia (PERUTAMA) dengan ini membantah sama sekali akan kewujudan Pharma2u yang merupakan platform e-dagang dalam aplikasi MySejahtera yang dikatakan bertujuan bagi membeli kit ujian sendiri Covid-19 secara terus sejak 29 Julai yang lalu.
3. Umum mengetahui MySejahtera merupakan aplikasi yang dibangunkan oleh Kerajaan Malaysia untuk kemudahan rakyat bagi membantu dalam pengawasan penularan wabak Covid-19 di dalam negara. Sementara itu, kerajaan juga telah membelanjakan jutaan ringgit wang rakyat dalam membangunkan aplikasi ini. Aplikasi ini juga dikatakan memberi kemudahan dalam membantu individu mengenal pasti tahap kesihatan mereka sepanjang penularan wabak Covid-19, membantu mendapatkan temujanji vaksin dan sebagainya. Namun begitu, apa yang mengecewakan pihak kami adalah apabila baru-baru ini aplikasi MySejahtera dilihat seolah-olah dijadikan sebagai sebuah platform jual beli persis Lazada, Shopee, Alibaba.com dan lain-lain dengan mewujudkan platform e-dagang Pharma2u.
4. Selaku Presiden PERUTAMA yang mewakili suara para ahli persatuan merasa kecewa akan tindakan yang kurang bertanggungjawab ini kerana ianya bertentangan dengan Klausula 3.2 dan Klausula 5 (b) dalam Garis Panduan Pengurusan Covid-19, yang mana hanya premis farmasi berlesen atau diluluskan oleh Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) sahaja yang dibenarkan menjual kit ujian tersebut.
5. Justeru itu, pihak persatuan juga merasakan dengan penyenaian Pharma2u sebagai sebuah platform e-dagang dalam aplikasi MySejahtera dilihat sebagai keterlaluan dan seperti kata pepatah "*bak menangguk di air keruh*". Kerajaan seharusnya mengoptimumkan sepenuhnya penggunaan aplikasi ini dalam memberi informasi berkaitan pandemic Covid -19 sahaja tanpa melibatkan sebarang urusan jual beli yang hanya menguntungkan satu pihak sahaja.

Selain itu juga, dilihat terdapat unsur-unsur ketirisan serta penyalahgunaan kuasa oleh agensi terlibat iaitu Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), MKN, dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) di mana bagaimana sebuah entiti syarikat seperti Pharma2u yang tidak diketahui statusnya boleh berada dalam aplikasi MySejahtara yang dipunyai oleh pihak kerajaan. Diharapkan pihak MKN membatalkan penyenaraian Pharma2u dalam aplikasi MySejahtara kerana syarikat ini juga dilihat tidak layak kerana bukan sebuah syarikat di bawah kawalan dan pengurusan farmasi berdaftar.

6. Segala kerjasama daripada pihak MKN berkaitan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Yang benar

NORITA BT MAT
Setiausaha PERUTAMA

